

Conteng mural pemimpin-pemimpin negara dengan perkataan tidak senonoh

Perbuatan biadab - Sultan Selangor

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
rohaizah.zainal@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah murka dan sangat dukacita dengan kejadian vandalisme dilakukan pada mural pemimpin-pemimpin negara di Taman Cahaya Alam, Seksyen U12, di sini.

Sultan Selangor juga kesal dan kecewa kerana kejadian vandalisme berhubung hasil karya seni itu berlaku di Selangor berikutan baginda menghargai karya seni pelukis tempatan yang sangat biadab.

Titah baginda, perbuatan contengan kata-kata kesat atas lukisan mural Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah; Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah dan beberapa pemimpin lain sebagai perbuatan yang sangat biadab.

"Kejadian ini bukan dilakukan oleh orang kurang siuman atau budak-budak nakal, tetapi lebih kepada bermotifkan politik kebencian.

"Beta berharap pelaku dapat ditangkap segera dan dihadapkan ke muka pengadilan," titah baginda.

Terdahulu, mural gergasi yang mempamerkan beberapa wajah pemimpin termasuk Al-Sultan Abdullah diconteng dengan semburan cat berwarna merah dengan menulis perkataan tidak senonoh.

Perbuatan itu menyebabkan kesemua potret wajah pemimpin berkenaan dicat kembali dengan warna putih oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Perbuatan dilakukan individu



ANGGOTA MBSA mengecat semula dinding lukisan mural gergasi empat pemimpin yang diconteng pihak tidak bertanggungjawab di Taman Cahaya Alam, Seksyen U12, Shah Alam, semalam.

terbabit disedari pagi semalam oleh salah seorang pekerja kedai makan.

Pekerja yang tidak mahu dikenali itu berkata, dia dalam perjalanan ke kedai dan terkejut apabila melihat empat wajah pemimpin negara telah diconteng menggunakan semburan cat berwarna merah dengan perkataan tidak senonoh.

"Saya terus berlari masuk ke kedai untuk melihat Rakaman Kamera Litar Tertutup (CCTV). Namun, rakaman tidak boleh dilihat kerana mengalami masalah teknikal. Saya terus memaklumkan perkara ini kepada salah seorang pelukis mu-

ral tersebut," katanya.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menerusi ciapan Twitternya juga menggesa supaya pihak polis dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyiasat dan memastikan pesalah dikenakan tindakan.

"Saya mengesakan sekeras-kerasnya perbuatan vandalisme yang berlaku di Seksyen U12, Shah Alam. Saya telah mengesakan pihak MBSA dan PDRM @PDRMsia untuk bekerjasama menyiasat dan memastikan pesalah dikenakan tindakan sewajarnya," katanya.

Salah seorang pelukis mural,

Muhammad Suhaimi Ali kesal dan terkilan dengan tindakan individu yang tidak bertanggungjawab menconteng mural pemimpin.

Katanya, dia menerima panggilan telefon pada pukul 8 pagi mengatakan lukisan itu diconteng sebelum memaklumkan kepada dua lagi rakannya.

"Kami tidak akan patah semangat untuk terus berkarya dan melukis mural wajah-wajah pemimpin kerana ia cara kami menghargai jasa mereka berjuang untuk negara. Namun, buat masa ini, biarlah perkara ini selesai terlebih dahulu," katanya.

Sementara itu, MBSA dalam

satu kenyataan berkata, pihaknya telah mengambil langkah segera mengecat semula dinding tersebut dengan cat berwarna putih dan juga membuat laporan di Balai Polis Seksyen 6.

"Tindakan vandalisme seperti ini amat dikesali kerana mural tersebut diabadikan sebagai menghargai peranan dan sumbangan semua pihak khususnya pemimpin negara yang telah bekerja keras dan komited dalam menangani wabak Covid-19.

"Kita akan mengambil tindakan di bawah Undang-Undang Kecil Vandalisme (MBSA) 2005," katanya.